

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pensyarah Perubatan Gred DU13P, DU13, DU14, DU15, Khas C, Khas B, Khas A, Khas Turus III, Khas Turus II, Khas Turus I.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institusi Pengajian Tinggi Awam.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, menjalankan penyelidikan, menghasilkan penerbitan dan pengamal perubatan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pensyarah Perubatan Gred DU13P

4.1.1 Aspek Pengajaran

- a. Menjalankan tugas pengajaran yang telah ditetapkan iaitu di peringkat ijazah pertama (*undergraduate programme*) dan memberi pengajaran dalam bidang pengkhususan di peringkat ijazah tinggi (*a generalist at the undergraduate level and a specialist at the post graduate level*).
- b. Menjalankan tugas mengajar mengikut jadual dan beban tugas pengajaran yang ditetapkan, penyediaan dan pemeriksaan skrip peperiksaan, pengawasan peperiksaan, penasihat kepada pelajar dalam hal akademik serta melaksanakan tugas pengajaran tambahan lain yang diarahkan oleh ketua jabatan dan/ atau PTj. Prestasi pengajaran hendaklah mencapai sekurang-kurangnya skor 4.2 daripada 6.0 dalam penilaian oleh pelajar bagi setiap kursus yang diajar.

4.1.2 Aspek Penyelidikan/ Penerbitan

- a. Memainkan peranan yang aktif dalam semua aspek penyelidikan misalnya mempunyai semangat ingin tahu, mencari masalah untuk diselidik, menulis dan menyampaikan cadangan yang baik dan boleh diterima,

mengurus projek penyelidikan dengan teratur, melaksanakan projek dan menyampaikan keputusan-keputusan yang dicapai dengan penerbitan dalam jurnal, penyampaian di persidangan dan sebagainya.

4.1.3 Aspek Perkhidmatan

- a. Menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk kebaikan masyarakat dan negara melalui sistem perundingan, berkhidmat memberi rawatan pesakit dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.
- b. Dikehendaki berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) sebelum memulakan tugas klinikal di pusat perubatan/ hospital.

4.1.4 Aspek Pentadbiran

- a. Memberi sokongan dan bantuan kepada polisi dan prosedur yang telah ditetapkan supaya pentadbiran dapat dijalankan dengan licin.
- b. Menjalankan semua tugas pentadbiran yang berkaitan dengan kursus atau program yang telah dijalankan.
- c. Dikehendaki menjalankan tugas dan tanggungjawab pentadbiran dengan memuaskan seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

4.2 Pensyarah Perubatan Gred DU13

4.2.1 Aspek Pengajaran

- a. Menjalankan segala tugas pengajaran yang telah ditetapkan iaitu di peringkat ijazah pertama (*undergraduate programme*) dan memberi pengajaran dalam bidang pengkhususan kecil di peringkat ijazah tinggi (*a generalist at the undergraduate level and a specialist at the post graduate level*).
- b. Menjalankan tugas mengajar mengikut jadual dan beban tugas pengajaran yang ditetapkan, penyediaan dan pemeriksaan skrip peperiksaan, pengawasan peperiksaan, penasihat kepada pelajar dalam hal akademik serta melaksanakan tugas pengajaran tambahan lain yang diarahkan oleh ketua jabatan dan/ atau PTj. Prestasi pengajaran hendaklah mencapai sekurang-kurangnya skor 4.2 daripada 6.0 dalam penilaian oleh pelajar bagi setiap kursus yang diajar.

4.2.2 Aspek Penyelidikan/ Penerbitan

- a. Memainkan peranan yang aktif dalam semua aspek penyelidikan misalnya: mempunyai semangat ingin tahu, mencari masalah untuk diselidik, menulis dan menyampaikan cadangan yang baik dan boleh diterima, mengurus projek penyelidikan dengan teratur, melaksanakan projek dan menyampaikan keputusan-keputusan yang dicapai dengan penerbitan dalam jurnal, penyampaian di persidangan dan sebagainya.
- b. Dikehendaki menerbitkan sekurang-kurangnya satu penerbitan penyelidikan di dalam jurnal bertaraf ISI (*ISI- Ranked full length journal paper*) setiap tahun.
- c. Dikehendaki menyelia calon ijazah sarjana/ijazah kedoktoran secara penyelidikan sehingga berjaya menamatkan pengajian.

4.2.3 Aspek Perundingan

- a. Dikehendaki melibatkan diri dalam sekurang-kurang satu projek perundingan setiap tahun dalam bidang kepakaran masing-masing.

4.2.4 Aspek Perkhidmatan

- a. Menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk kebaikan masyarakat dan negara melalui sistem perundingan, berkhidmat memberi rawatan pesakit dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.
- b. Dikehendaki berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) sebelum memulakan tugas klinikal di pusat perubatan/ hospital.

4.2.5 Aspek Pentadbiran

- a. Memberi sokongan dan bantuan kepada polisi dan prosedur yang telah ditetapkan supaya pentadbiran dapat dijalankan dengan licin.
- b. Menjalankan semua tugas pentadbiran yang berkaitan dengan kursus atau program yang telah dijalankan.

- c. Dikehendaki menjalankan tugas dan tanggungjawab pentadbiran dengan memuaskan seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

4.3. Pensyarah Perubatan Gred DU14, Khas C, Khas B, Khas A, Khas Turus III, Khas Turus II, Khas Turus I.

4.3.1 Aspek Pengajaran

- a. Menjalankan tugas pengajaran yang telah ditetapkan iaitu di peringkat ijazah pertama (*undergraduate programme*) dan memberi pengajaran dalam bidang pengkhususan kecil di peringkat ijazah tinggi (*a generalist at the undergraduate level and a specialist at the post graduate level*).
- b. Menjalankan tugas mengajar mengikut jadual dan beban tugas pengajaran yang ditetapkan, penyediaan dan pemeriksaan skrip peperiksaan, pengawasan peperiksaan, penasihat kepada pelajar dalam hal akademik serta melaksanakan tugas pengajaran tambahan lain yang diarahkan oleh ketua jabatan dan/ atau PTj. Prestasi pengajaran hendaklah mencapai sekurang-kurangnya skor 4.2 daripada 6.0 dalam penilaian oleh pelajar bagi setiap kursus yang diajar.

4.3.2 Aspek Penyelidikan/ Penerbitan

- a. Memainkan peranan yang aktif dalam semua aspek penyelidikan misalnya: mempunyai semangat ingin tahu, mencari masalah untuk diselidik, menulis dan menyampaikan cadangan yang baik dan boleh diterima, mengurus projek penyelidikan dengan teratur, melaksanakan projek dan menyampaikan keputusan-keputusan yang dicapai dengan penerbitan dalam jurnal, penyampaian di persidangan dan sebagainya.
- b. Dikehendaki menerbitkan sekurang-kurangnya satu penerbitan penyelidikan di dalam jurnal bertaraf ISI (*ISI-Ranked full length journal paper*) setiap tahun.
- c. Dikehendaki menyelia calon ijazah sarjana/ijazah kedoktoran secara penyelidikan sehingga berjaya menamatkan pengajian.

4.3.3 Aspek Perundingan

- a. Dikehendaki melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu projek perundingan setiap tahun dalam bidang kepakaran masing-masing.

4.3.4 Aspek Perkhidmatan

- a. Menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk kebaikan masyarakat dan negara melalui sistem perundingan, berkhidmat memberi rawatan pesakit dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.
- b. Dikehendaki berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) sebelum memulakan tugas klinikal di pusat perubatan/ hospital.

4.3.5 Aspek Pentadbiran

- a. Memberi sokongan dan bantuan kepada polisi dan prosedur yang telah ditetapkan supaya pentadbiran dapat dijalankan dengan licin.
- b. Menjalankan semua tugas pentadbiran yang berkaitan dengan kursus atau program yang telah dijalankan.
- c. Dikehendaki menjalankan tugas dan tanggungjawab pentadbiran dengan memuaskan seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan tertinggi universiti.
- b. Dekan.
- c. Pelajar.
- d. Pesakit.

Luaran

- a. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- b. Jabatan-jabatan kerajaan.
- c. Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- d. Institusi penyelidikan dalam dan luar negara.
- e. Sektor swasta dan industri.
- f. Pusat perubatan.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Fakulti/ pusat akademik.
- c. Institusi pendidikan dan penyelidikan di dalam dan luar negara.
- d. Hospital Pengajar/ hospital/ klinik.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat sarjana dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia. Keutamaan adalah kepada pemegang ijazah kedoktoran.
- b. Dapat berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- c. Berkebolehan untuk memberi pendapat dan khidmat nasihat dengan baik.
- d. Mempunyai kemahiran dalam penggunaan peralatan yang berkaitan dengan bidang.
- e. Berkebolehan dalam penggunaan pelbagai perisian yang berkaitan dengan tugas.
- f. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesionalisme.
- d. Kompeten dan ketelitian.
- e. Kualiti.
- f. Disiplin.
- g. Menepati masa.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Percanggahan pendapat.
- c. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- d. Kes-kes pemalsuan kelayakan akademik dan maklumat penyelidikan.
- e. Kes-kes disiplin.
- f. Boleh diambil tindakan undang-undang.